

## Merdeka Eco Challenge IPT Pahang di UMP

**GAMBANG** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menganjurkan Kejohanan Sukan Lasak atau 'Merdeka Eco Challenge IPT Pahang UMP 2007' yang melibatkan pelajar dan kakitangan universiti di kampus UMP, hari ini.

Kejohanan dianjurkan oleh Kelab Rekreasi (T-Rex) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Unit Sukan dan Rekreasi (USR), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Majlis Sukan Pelajar (MSP), Kelab Sukan Ekstrem dan Kelab Kanu universiti terbabit.

Penyertaan dibuka kepada semua pelajar dan kakitangan, termasuk

penyertaan dari Universiti tenaga Nasional (UNITEN), Kolej Komuniti Kuantan dan IKIP.

Sebanyak empat disiplin diadakan iaitu larian, merentas hutan atau kawasan berbukit, berkayak dan juga memanah yang menuntut peserta bekerja keras untuk memenangi setiap cabaran yang disediakan.

Empat kategori dipertandingkan dalam kejohanan ini, iaitu siswa lelaki dan perempuan, staf lelaki dan perempuan terbaik untuk direbut dalam kejohanan tersebut, di mana pemenang dinilai berdasarkan masa yang diambil untuk

garisan penamat.

Majlis perasmian kejohanan akan disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela.

